

## **Kajian terhadap ciri tarikan dan tahap kemudahan pelancong di Taman Laut Tunku Abdul Rahman, Sabah**

### **ABSTRAK**

Taman Laut Tunku Abdul Rahman (TLTAR) adalah salah satu taman laut yang diwartakan di bawah Establishment of Marine Parks Malaysia Order 1994 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan bagi tujuan pemeliharaan sumber marin dan pelancongan. Taman Laut Tunku Abdul Rahman terdiri daripada lima buah pulau iaitu Pulau Manukan, Pulau Mamutik, Pulau Sapi, Pulau Sulug dan sebahagian Pulau Gaya. Taman laut ini meliputi keluasan 4,929 hektar dan dua pertiga daripadanya adalah laut. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti ciri tarikan dan tahap kemudahan pelancong di TLTAR, Sabah. Kajian ini melibatkan 249 orang responden dalam kalangan penduduk tempatan yang berkunjung dan yang pernah berkunjung ke TLTAR. Profil demografik responden menunjukkan 71.5% adalah lelaki, 75.5% berumur dalam lingkungan bawah 30 tahun, 68.7% adalah berstatus bujang dan lebih 50% responden berpendidikan peringkat menengah. Berdasarkan kajian terhadap penduduk tempatan, tiga tarikan utama yang menjadi pilihan pelancong untuk datang ke TLTAR iaitu keindahan pantai dan lautnya dengan, diikuti oleh persekitaran pulau yang mendamaikan dan aktiviti rekreasi yang disediakan seperti snokerling, selam skuba dan berkelah. Seterusnya, terdapat beberapa aspek paling penting yang perlu diberikan perhatian agar ia mampu mengekalkan keinginan pelancong untuk berkunjung ke TLTAR iaitu kebersihan persekitaran pulau termasuk pantai dan lautnya serta keselamatan pulau khususnya daripada ancaman pihak tertentu dan jenayah. Bagi tahap kemudahan pelancong, dapatan kajian menunjukkan kemudahan rekreasi, perkhidmatan bot dan jeti yang disediakan adalah lebih memuaskan berbanding dengan kemudahan lain. Hasil kajian ini adalah penting kepada pihak pembuat dasar dan perancang pembangunan taman laut untuk memastikan pengurusan pelancongan di taman laut lebih lestari dan memberikan manfaat serta kepuasan kepada semua pihak terutamanya penduduk tempatan itu sendiri.